

EK

ECONBWS

PM GBSA PENIAGA INDIA M'SIA BUAT KEPUTUSAN BERANI

Daripada Salbiah Said

NEW DELHI, 14 Dis (Bernama) -- Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini, keputusan Pusingan Uruguay hanya akan bermakna jika para usahawan bersedia membuat keputusan perdagangan yang berani untuk mendapat faedah daripada peraturan-peraturan perdagangan dan liberalisasi pelaburan dunia.

Malaysia adalah komited kepada penyelesaian yang berjaya dan seimbang perundingan Pusingan Uruguay di bawah Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan, yang mana tarikh akhirnya adalah esok, 15 Dis, Perdana Menteri berkata pada sesi dialog dengan Persekutuan Perindustrian India di sini hari ini.

Katanya Malaysia menganut perdagangan bebas dan keutamaan sistem perdagangan pelbagai hala yang kukuh berasaskan peraturan dan disiplin yang boleh memastikan daya ramalan dan ketelusan yang boleh membendung tindakan-tindakan sehalu.

Dr Mahathir yang sedang melakukan lawatan rasmi ke India berkata, memandangkan usaha-usaha sekarang untuk meliberalkan lagi ekonomi Malaysia dan India, sektor swasta kedua-dua negara janganlah membiarkan peluang itu terlepas.

Cara-cara dan bidang-bidang baru perdagangan dan pelaburan mestilah dibuka, dan aliran silang pelaburan, Malaysia dan India akan memberikan dorongan yang amat diperlukan bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi kedua-dua negara, tambahnya.

"Malangnya kita cenderung mengabaikan peluang-peluang ini kerana kesibukan kita dengan rakan-rakan perdagangan tradisional," katanya.

Dr Mahathir menggesa para peniaga India mengkaji dengan serius peluang-peluang yang luas di Malaysia hasil pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan berasas luas selama tujuh tahun.

Sementara sesetengah pelabur besar dari India telahpun berada di Malaysia untuk mendapat faedah daripada usaha kerajaan itu sendiri ke arah pembangunan dan perindustrian, Dr Mahathir percaya terdapat banyak lagi para usahawan India yang mempunyai teknologi dan keupayaan untuk menyertai di dalam pelbagai usaha perindustrian yang luas di Malaysia.

Kekuatan India di dalam industri-industri berkaitan dan sokongan berasaskan kejuruteraan adalah sepadan dengan usaha Malaysia sendiri untuk membangunkan sektor yang sama di Malaysia, katanya.

Para peniaga India boleh mengadakan rangkaian yang perlu kepada industri-industri elektronik yang kukuh yang perlu dan industri-industri kenderaan bermotor seperti kepingan elektrik, rawatan haba, peracuan, mesin jitu, komponen kecil peracuan dan acuan, peracuan plastik jitu dan pembungkusan bagi komponen-komponen elektronik sensitif.

Perdana Menteri berkata India mempunyai keupayaan menubuhkan perkongsian dengan para usahawan Malaysia dalam pengeluaran jentera dan alat-alat, perkakas mesin dan industri kejuruteraan yang berkaitan.

Beliau menggesa para peniaga Malaysia mengambil kira langkah-langkah liberalisasi yang sedang dilaksanakan oleh India dan merancang pembabitan yang lebih besar di dalam peluang-peluang ekonomi yang timbul daripada liberalisasi seumpamanya itu. -- lagi

Perubahan dagangan dan pasaran yang dijalankan oleh India menjadikan regim dagangan lebih mudah serta menggalakkan saingan, dan dengan kadar tukaran rupee yang diapungkan, terdapat kemudahan yang lebih yang memudahkan dagangan dalam perkhidmatan dan barangan, kata beliau.

Pada masa yang sama, tahap perlindungan juga diturunkan dengan rancangan tetap ke atas pengurangan tarif dilaksanakan.

Dr Mahathir berkata kerajaan India telah mengambil langkah yang berani dengan membuka berbagai sektor ekonomi dalaman untuk disertai oleh pelabur asing dan juga telah menyediakan pakej insentif pelaburan untuk menggalakkan aliran terus pelaburan asing.

Usahawan Malaysia, katanya, mempunyai pengalaman dalam pembangunan kawasan memproses eksport, pembinaan hotel dan pusat peranginan pelancong, perkhidmatan telekomunikasi, perbankan dan juga pengurusan ladang.

"Saya yakin mereka akan menemui rakan kongsi di India untuk menjalankan berbagai projek industri yang wujud hasil dari langkah-langkah liberalisasi yang dijalankan oleh kerajaan India dan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir yang diiringi oleh anggota seramai 30 orang usahawan Malaysia, berkata dagangan antara Malaysia dan India telah dimulakan beratus-ratus tahun lalu ketika pedagang India memulakan perdagangan dan mewujudkan hubungan ekonomi yang berfaedah dengan negara-negara di Tanah Melayu.

Kini, India adalah merupakan rakan dagangan Malaysia yang terbesar di Asia Tenggara kini. Dagangan dua hala meningkat sedikit dan tahun lalu berjumlah AS\$769 juta.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, dagangan dua hala mencatatkan jumlah AS\$388 juta dengan import barangan India bernilai AS\$250 juta dan eksport barangan Malaysia ke India berjumlah AS\$138 juta.

Walaupun angka-angka ini mengkagumkan, terdapat banyak lagi bidang yang boleh disertai oleh usahawan-usahawan India dan Malaysia dalam usaha meningkatkan tahap perdagangan dan pelaburan antara kedua negara.

Perdagangan dua hala antara kedua negara lebih banyak tertumpu kepada eksport dan import komoditi. Dalam tahun 1992, sebanyak 83 peratus daripada eksport Malaysia ke India adalah dari komoditi utama seperti petroleum, minyak sawit, kayu bergegaji, timah dan getah.

Ini bertentangan dengan jumlah eksport Malaysia, 71 peratus adalah dari barangan pembuatan. Dalam tahun yang sama, lebih kurang 45 peratus daripada import Malaysia dari India adalah seperti daging, makanan binatang, sayuran, beras, gandum, rempah dan barangan pertanian lain.

Diperingkat politik, Malaysia dan India telah mewujudkan hubungan yang kukuh dan stabil di mana ditahap dagangan dua hala, beberapa mekanisme telah diadakan untuk mempercepatkan dagangan dan pelaburan.

"Kita akan terus mencari peluang-peluang lain termasuk perjanjian ekonomi yang lain atas dasar kerajaan dan kerajaan untuk mewujudkan keyakinan yang tinggi di kalangan pengusaha untuk turut serta dalam usahasama komersil dengan lebih hebat," kata Dr Mahathir.

Di tahap G-15, rangkaian hubungan usahawan dari India dan Malaysia boleh diperluaskan menerusi Pusat Pertukaran Data Teknologi, Perdagangan dan Pelaburan Selatan (Sittdec) yang berpusat di Kuala Lumpur, katanya. --  
Bernama